



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

SEMARAK SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN MALAYSIA KE-66

“BANGKIT BERSAMA DENGAN MINDA DAN JIWA YANG BERSIH”

Kemerdekaan adalah lambang kebebasan, kedaulatan dan kejayaan, bukan sahaja kepada negara yang tercinta ini, tetapi juga kepada setiap daripada kita, warganegara Malaysia. Namun, sehingga hari masih wujud unsur-unsur negatif dalam kalangan rakyat Malaysia yang boleh mengganggu gugat keharmonian negara. Saya pasti sebagai rakyat yang cintakan negara, kita wajar menolak anasir negatif serta fahaman yang sempit ini.

Seperti yang kita sedia maklum, “Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan” adalah tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023. Tema ini didasari oleh konsep Malaysia MADANI sebagai kunci utama bagi memastikan rakyat mengecapi segala bentuk kemajuan serta kemodenan yang berteraskan kemampunan budaya bangsa, berdaya cipta, keyakinan, kesejahteraan, hormat menghormati dan ihsan.

Kementerian Sumber Manusia menyokong aspirasi Kerajaan dalam mewujudkan sebuah negara proaktif serta harmoni dalam kepelbagaian budaya selaras dengan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Tahun ini, genap 66 tahun Malaysia bebas daripada cengkaman penjajah. Kita bebas untuk hidup aman, damai dan bersatu padu dalam kalangan rakyat yang berbilang agama dan bangsa di bumi bertuah Malaysia.

Adalah menjadi harapan saya agar, kita seluruh rakyat Malaysia dapat mengelebihikan perbezaan politik, agama, etnik dan bangsa. Kita harus bersatu padu demi negara tercinta. Kita perlu bersama-sama menghadapi dan menangani cabaran yang ada, supaya kita dapat mencapai lebih banyak kejayaan demi kejayaan.

Oleh itu, marilah kita bersatu demi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara kelas pertama di arena antarabangsa. Semoga semangat perpaduan dan bersatu padu terus tersemai dalam sanubari kita demi negara kita yang tercinta.

Saya mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan 2023. Marilah kita sama-sama berganding bahu menyemarakkan ikatan perpaduan sesama kita.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
30 OGOS 2023**